

(23 Januari 2021) Harian Metro P.S



PETUGAS Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan proses penyahkuman atau disinfeksi ketika Operasi Sanitasi Awam C19 di ibu kota bagi mengekang penularan wabak Covid-19, semalam.

18 KEMATIAN

Sembilan mangsa maut datang dari Selangor

Oleh Muhaamad Hafis

Nawawi

mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 3,631 kes baharu positif Covid-19 direkodkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu bertambah kepada 176,180 kes dengan kebolehhangkitan 42,814 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada

jumlah itu, enam kes import dan 3,625 kes penularan tempatan.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 782 kes diikuti Sabah sebanyak 453 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 435 kes.

"Sebenarnya 2,554 kes pulih dilaporkan hari ini (semalam), menjadikan jumlah

kumulatif kes pulih di negara ini 132,706 (75.3 peratus)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Selain itu, katanya, terdapat 251 pesakit Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 102 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan. Katanya, kes kematian pada semalam adalah 18 kes terdiri 17 tem-

patan dan seorang bukan warganegara menjadikan jumlah kumulatif kes kematian 660 kes.

"Kes kematian pada hari ini (semalam) membabitkan sembilan kes dari Selangor, tiga kes dari Sabah, dua kes dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dua kes dari Sarawak dan masing-masing satu kes dari Johor dan Pulau Pinang.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka," katanya.

“

**Sebanyak 2,554
kes pulih
dilaporkan hari
ini (semalam)**

Dr Noor Hisham